

# Banjir lumpur 'seksa' penduduk

Oleh ZANIFAH MD.NOR

**KAJANG** 1 Mei - Setiap kali hujan lebat, rumah penduduk di Taman Kantan Permai pasti akan turut berubah wajah akibat ditenggelami banjir lumpur yang sukar untuk dibersihkan.

Kecewa dengan masalah yang melanda di kediaman yang selama ini bebas daripada bencana banjir itu, penduduk mahu pihak terbabit lebih prihatin dengan masalah mereka itu.

Penduduk yang ditemui rata-rata mendakwa, banyak pihak perlu tampil dan turun padang untuk memperbetulkan keadaan tersebut agar penderitaan penduduk tidak berpanjangan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, keadaan rumah penduduk dan jalan yang masih berbekas dengan laluan selut mengundang rasa kurang selesa kepada penduduk.

**Normah Main**, 46, berkata, Sungai Kantan yang terletak cuma 50 meter di hadapan rumahnya suatu ketika dulu mengalirkan air jernih dan boleh digunakan untuk mandi manda.

"Lihatlah keadaannya sekarang, sudahlah cetek dan dipenuhi

**Penduduk yang ditemui rata-rata mendakwa banyak pihak perlu tampil dan turun padang untuk memperbetulkan keadaan tersebut agar penderitaan penduduk tidak berpanjangan**

semak, ia tidak pernah diselenggarakan dengan baik oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran.

"Keadaan ini menyebabkan air melimpah ke jalan apabila hujan lebat dalam masa satu atau dua jam," katanya.

Bagi **Roslina Hilaluddin**, 39, dia sudah serik mencuci rumah yang dipenuhi air banjir berselut tiap kali hujan lebat.

"Sejak kebelakangan ini kejadian banjir berselut semakin kerap. Tiap kali hujan lebat, selut yang datang dari projek perumahan tembengkalai terus memenuhi ruang rumah kami adakalanya pada pukul tiga pagi sewaktu kami nyenyak tidur," katanya.

Roslina yang telah menetap di situ selama dua tahun mendakwa, sebelum projek tersebut dimajukan semula, masalah tersebut tidak pernah wujud.

"Kami dapati projek tersebut tidak mempunyai sistem perpari-

tan yang teratur menyebabkan setiap kali hujan lebat, air lumpur akan melimpah keluar menuju ke rumah kami," katanya.

Seorang penjaja, **Salmah Omar**, 33, berkata, banyak barangan dan peralatan rumah yang rosak akibat dilanda banjir selut.

"Sepatutnya pihak pemaju perumahan berhampiran lebih peka dengan keadaan kami. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pula wajar memastikan sistem perparitan dibuat dengan betul agar tidak menimbulkan masalah kepada penduduk," katanya.

**Dollah Abas**, 56, antara penghuni paling lama menetap di situ kesal dengan sikap sambil lewa MPKj dalam menyelenggarakan kawasan terbabit.

"Apabila hujan lebat, ia bukan sahaja menyebabkan masalah banjir selut malah ketulan najis boleh dilihat terkeluar daripada lubang pembentungan yang terdapat di bahu jalan.

"Saya tak tahu bagaimana `sisa kumbahan' itu boleh terkeluar dan melambak. Bagaimanapun, penduduk terpaksa bergotong royong membersihkannya semula kerana kami dapati tugas penyelenggaraan dibuat sambil lewa oleh MPKj," katanya.

Bagi mengatasi masalah banjir berlumpur tidak berulang, dia memohon pihak pemaju menyediakan sistem perparitan yang lebih sempurna di antara kawasan perumahan Fasa 1 dan 2, Taman Kantan Permai.

"Dulu gara-gara sistem perparitan yang tidak sempurna, Sekolah Kebangsaan Kantan Permai yang terletak di kawasan berhampiran pernah dilanda banjir yang sama.

"Sekarang masalah tersebut dapat diatasi apabila pemaju memperbetulkan sistem perparitan mereka di bahagian tersebut," jelasnya.

Roslin Arsyad, 40, yang telah



ROSLIN ARSYAD

menetap selama 12 tahun di situ berkata, banjir lumpur yang melanda rumahnya sejak kebelakangan ini merupakan antara yang terburuk pernah dialaminya. "Dulu tak pernah macam ini.



ROSLINA HILALUDDIN

Sekarang sungai dah cetek, projek perumahan berhampiran pula menyediakan parit yang terlalu kecil dan tidak mampu menampung air hujan menyebabkan rumah kami menjadi mangsa,"



SALMAH OMAR

katanya. Bagi mengatasi masalah tersebut, katanya, setiap penduduk terpaksa mengorek dan memperbersihkan parit di sekitar rumah masing-masing.



DOLLAH Abas sedih melihat Sungai Kantan yang cetek dan dipenuhi semak di Taman Kantan Permai, Kajang.



SELEPAS banjir melanda, jalan berturap di Taman Kantan Permai, Kajang dipenuhi selut menyukarkan penduduk setempat.